



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA


PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN

**NEGERI PERAK
TAHUN 2016**

SIRI 2



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

**NEGERI PERAK
TAHUN 2016**

SIRI 2

Jabatan Audit Negara Malaysia

KANDUNGAN



KANDUNGAN

vii KATA PENDAHULUAN

xi INTISARI LAPORAN

PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

3 YAYASAN PERAK
YP Nominees Holdings Sdn. Bhd.

33 PENUTUP

KATA PENDAHULUAN



KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan/Negeri.

2. Pengauditan prestasi telah dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 serta berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). Laporan saya ini mengandungi Pengurusan Syarikat Subsidiari milik penuh Yayasan Perak bagi tahun 2016 Siri 2 mengenai perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan terhadap pengurusan aktiviti Syarikat Subsidiari Yayasan Perak iaitu YP Nominees Holdings Sdn. Bhd.

3. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat berkenaan dan beliau juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 2 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat berkenaan.

4. *Auditor General's Dashboard* yang mula dilaksanakan pada 31 Mei 2013 memaparkan isu dan status terkini tindakan Laporan Ketua Audit Negara. Mekanisme ini berjaya membantu Jabatan/Agensi Kerajaan untuk menyalurkan maklum balas dengan cepat dan pantas. Ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu Laporan Ketua Audit Negara serta menyalurkan status tindakan yang telah diambil kepada pihak awam.

5. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti

dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana yang dihasratkan oleh Kerajaan.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

17 Oktober 2017

INTISARI LAPORAN



INTISARI LAPORAN

YAYASAN PERAK

1. *YP Nominees Holdings Sdn. Bhd.*

- a. YP Nominees Holdings Sdn. Bhd. (YPNHSB) adalah syarikat subsidiari milik penuh Yayasan Perak (YP) yang memiliki 100% ekuiti. Syarikat ini ditubuhkan pada 30 Disember 1992 di bawah Akta Syarikat 1965. Sehingga akhir tahun 2016, modal saham dibenarkan berjumlah RM20 juta dan modal berbayar berjumlah RM10 juta. Objektif penubuhan YPNHSB adalah untuk menjalankan aktiviti berkaitan pengurusan ladang kelapa sawit dan khidmat perunding manakala aktiviti utamanya ialah mengurus dan membangunkan ladang kelapa sawit bagi pihak YP. Sehingga 31 Disember 2016, YPNHSB menguruskan dua ladang kelapa sawit seluas 606.97 hektar yang terdiri daripada Ladang Bidor (LB) seluas 60.65 hektar di Langkap, Perak dan Ladang Besout Jaya (LBJ) Fasa 1 & 2 seluas 546.32 hektar di Sungkai, Perak dan memajakkan Ladang Sungai Pandan (LSP) seluas 5,124.19 hektar di Bintulu, Sarawak kepada Jendela Padu Sdn. Bhd. (JPSB) untuk diuruskan.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga Mei 2017 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan YPNHSB bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 adalah memuaskan kerana ada peningkatan keuntungan selepas cukai sebanyak 136.7% dan 31.8% daripada kerugian sejumlah RM7.27 juta pada tahun 2014 kepada keuntungan berjumlah RM2.67 juta dan RM3.52 juta pada tahun 2015 dan 2016. Keuntungan bersih terkumpul sehingga tahun 2016 berjumlah RM11.01 juta. Pengurusan aktiviti YPNHSB adalah memuaskan selaras dengan objektif penubuhannya daripada aspek prestasi pengeluaran dan jualan buah tandan segar (BTS), prestasi kewangan ladang, prestasi pelaksanaan aktiviti penyenggaraan ladang dan perancangan penanaman semula pokok kelapa sawit. Bagaimanapun, pengurusan tadbir urus syarikat dan pengurusan kewangan adalah tidak memuaskan kerana terdapat beberapa perkara yang masih perlu dipertingkatkan seperti berikut:
 - i. Manual Prosedur Kewangan tidak disediakan bagi pengurusan kewangan/aset, rancangan korporat YPNHSB yang disediakan belum dibentang untuk kelulusan Lembaga Pengarah manakala Jawatankuasa Audit tidak ditubuhkan bagi mempertingkatkan kawalan dalaman terhadap operasi YPNHSB; dan

- ii. dokumen perjanjian antara YP dan YPNHSB bagi pendahuluan berjumlah RM25.67 juta yang diberikan kepada YPNHSB oleh Kerajaan Negeri tidak disediakan untuk menjaga kepentingan Kerajaan Negeri.
- c. Bagi memastikan objektif penubuhan YPNHSB dicapai dan memantapkan tadbir urus organisasi, adalah disyorkan pihak YPNHSB memberi pertimbangan dan mengambil tindakan berikut:
 - i. mengambil tindakan menjelaskan pendahuluan yang diambil daripada YP dalam tempoh masa yang munasabah; dan
 - ii. menyediakan terma rujukan / Terms Of Reference (TOR) untuk Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah, menubuhkan Jawatankuasa Audit dan memastikan pengauditan dalaman secara menyeluruh terhadap pengurusan kewangan dan aktiviti dilaksanakan di syarikat serta menyediakan manual prosedur kewangan/aset untuk diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI

YAYASAN PERAK

1. YP NOMINEES HOLDINGS SDN. BHD.

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. YP Nominees Holdings Sdn. Bhd. (YPNHSB) adalah syarikat subsidiari milik penuh Yayasan Perak (YP) yang memiliki 100% ekuiti. Syarikat ini ditubuhkan pada 30 Disember 1992 di bawah Akta Syarikat 1965. Sehingga akhir tahun 2016, modal saham dibenarkan berjumlah RM20 juta dan modal berbayar berjumlah RM10 juta. Objektif penubuhan YPNHSB adalah untuk menjalankan aktiviti berkaitan pengurusan ladang kelapa sawit dan khidmat perunding manakala aktiviti utamanya ialah mengurus dan membangunkan ladang kelapa sawit bagi pihak YP.

1.1.2. Sehingga 31 Disember 2016, YPNHSB menguruskan dua ladang kelapa sawit seluas 606.97 hektar yang terdiri daripada Ladang Bidor (LB) seluas 60.65 hektar di Langkap, Perak dan Ladang Besout Jaya (LBJ) Fasa 1 & 2 seluas 546.32 hektar di Sungkai, Perak dan memajakkan Ladang Sungai Pandan (LSP) seluas 5,124.19 hektar di Bintulu, Sarawak kepada Jendela Padu Sdn. Bhd. (JPSB) untuk diuruskan.

1.1.3. YPNHSB dipengerusikan oleh seorang ahli politik dan dianggotai oleh lima orang ahli Lembaga Pengarah. Struktur organisasi YPNHSB diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif yang bertanggungjawab menguruskan syarikat dan aktiviti harian syarikat serta melaporkan hal ehwal pengurusan syarikat kepada Lembaga Pengarah. YPNHSB mempunyai seramai 23 kakitangan pengurusan iaitu lima di Ibu Pejabat dan 18 di dua ladang iaitu LB dan LBJ. Pengurusan YPNHSB adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Memorandum & Artikel (M&A) dan *Standard Operating Procedures* (SOP) syarikat.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan dan amalan tadbir urus YPNHSB adalah baik serta pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan selaras dengan objektif penubuhannya.

1.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek prestasi kewangan bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 serta pengurusan aktiviti dan tadbir urus bagi tahun 2014 hingga bulan Mei 2017.

Pengauditan telah dijalankan di ibu pejabat YPNHSB yang terletak di Pusat Perdagangan Greentown, Ipoh dan di dua ladang iaitu LB dan LBJ.

1.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Penilaian prestasi kewangan dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan YPNHSB bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 yang telah diaudit dan diberi Laporan Juruaudit Tanpa Teguran oleh Tetuan Atarek Kamil Ibrahim & Co. Penilaian ini melibatkan tiga analisis iaitu analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, analisis trend aset dan liabiliti serta analisis aliran tunai. Bagi pengurusan aktiviti dan amalan tadbir urus, kaedah pengauditan adalah dengan menyemak dokumen, fail dan rekod yang berkaitan bagi tahun 2014 hingga bulan Mei 2017. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai YPNHSB serta Setiausaha Syarikat juga telah dijalankan untuk mendapatkan penjelasan lanjut. Selain itu, lawatan Audit ke dua ladang iaitu Ladang Bidor di Langkap, Perak dan Ladang Besout Jaya di Sungkai, Perak turut dijalankan. Pengauditan ini pernah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Perak Tahun 2006 dan 2011. *Exit Conference* yang dipengerusikan oleh Pengurus Besar YP telah diadakan pada 2 Ogos 2017. Antara pegawai yang turut hadir adalah wakil ahli Lembaga Pengarah YPNHSB, wakil daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SUK) dan wakil Ketua Audit Dalam, Pejabat SUK.

1.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga Mei 2017 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan YPNHSB bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 adalah memuaskan kerana ada peningkatan keuntungan selepas cukai sebanyak 136.7% dan 31.8% daripada kerugian sejumlah RM7.27 juta pada tahun 2014 kepada keuntungan berjumlah RM2.67 juta dan RM3.52 juta pada tahun 2015 dan 2016. Keuntungan bersih terkumpul sehingga tahun 2016 berjumlah RM11.01 juta. Pengurusan aktiviti YPNHSB adalah memuaskan selaras dengan objektif penubuhannya daripada aspek prestasi pengeluaran dan jualan buah tandan segar (BTS), prestasi kewangan ladang, prestasi pelaksanaan aktiviti penyenggaraan ladang dan perancangan penanaman semula pokok kelapa sawit. Bagaimanapun, pengurusan tadbir urus syarikat dan pengurusan kewangan adalah tidak memuaskan kerana terdapat beberapa perkara yang masih perlu dipertingkatkan seperti berikut:

- i. Manual Prosedur Kewangan tidak disediakan bagi pengurusan kewangan/aset, rancangan korporat YPNHSB yang disediakan belum dibentang untuk kelulusan Lembaga Pengarah manakala Jawatankuasa Audit tidak ditubuhkan bagi mempertingkatkan kawalan dalaman terhadap operasi YPNHSB; dan

- ii. dokumen perjanjian antara Yayasan Perak (YP) dan YPNHSB bagi pendahuluan berjumlah RM25.67 juta yang diberikan kepada YPNHSB oleh Kerajaan Negeri tidak disediakan untuk menjaga kepentingan Kerajaan Negeri.

1.5.1. PRESTASI KEWANGAN

1.5.1.1. Analisis terhadap prestasi kewangan YP Nominees Holdings Sdn. Bhd. (YPNHSB) bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 telah dilaksanakan berdasarkan kedudukan kewangan syarikat ini yang merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, aset dan liabiliti serta tunai dan kesetaraan tunai seperti jadual berikut:

JADUAL 1.1
KEDUDUKAN KEWANGAN YPNHSB BAGI TAHUN 2014, 2015 DAN 2016

BUTIRAN	TAHUN		
	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)
Pendapatan	26.01	15.46	16.06
Perbelanjaan Operasi	(23.95)	(6.75)	(7.60)
Keuntungan Kasar	2.06	8.71	8.46
Pendapatan Lain	1.42	0.43	0.46
Perbelanjaan Pentadbiran	(10.95)	(1.05)	(0.67)
Perbelanjaan Lain	(0.04)	(5.41)	(4.72)
Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Cukai	(7.51)	2.68	3.53
Cukai	0.24	(*)	(**)
Keuntungan/(Kerugian) Selepas Cukai	(7.27)	2.67	3.52
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) TERKUMPUL	(38.66)	7.49	11.01
JUMLAH ASET	113.54	107.12	107.03
JUMLAH LIABILITI	99.61	89.63	86.01
JUMLAH EKUITI	13.93	17.49	21.01
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI	113.54	107.12	107.03
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	3.19	0.59	1.52

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit YPNHSB Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014, 2015 dan 2016


Nota: (*) – RM4,974, (**) – RM7,857

- a. Pendapatan utama YPNHSB bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 ialah daripada hasil sewa pajakan Ladang Sungai Pandan (LSP) di Bintulu, Sarawak berjumlah RM57.53 juta atau 96.1% daripada jumlah pendapatan keseluruhan RM59.85 juta. Mulai tahun 2016, pendapatan utama YPNHSB juga dijana dari hasil penjualan buah tandan segar (BTS) berjumlah RM459,633 yang diperolehi daripada Ladang Besout Jaya 1 (LBJ1) di Sungkai, Perak. Bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 YPNHSB turut memperoleh pendapatan lain daripada yuran pengurusan terhadap Ladang Bidor (LB) dan LBJ1 berjumlah RM989,350, sewaan bangunan milik YPNHSB berjumlah RM89,414 serta faedah diterima daripada deposit tetap


yang berjumlah RM2.32 juta. Trend pendapatan bagi tiga tahun berkaitan adalah seperti **Jadual 1.1** dan **Carta 1.1**.

- b. Perbelanjaan YPNHSB terdiri daripada belanja operasi estet, pentadbiran dan kos kewangan. Semakan Audit selanjutnya terhadap komponen perbelanjaan mendapati peratusan besar perbelanjaan YPNHSB bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 adalah perbelanjaan operasi ladang iaitu antara 51.1% hingga 68.5% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan berjumlah RM61.16 juta. Perbelanjaan operasi berbanding pendapatan utama yang telah dibelanjakan oleh YPNHSB adalah sejumlah RM23.95 juta (92.1%) pada tahun 2014, RM6.75 juta (43.7%) pada tahun 2015 dan RM7.6 juta (47.3%) pada tahun 2016. Trend perbelanjaan bagi tiga tahun yang berkaitan adalah seperti **Jadual 1.1** dan **Carta 1.1**.
- c. Trend pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 telah memberi kesan terhadap keuntungan YPNHSB. Pada tahun 2014, YPNHSB mencatatkan kerugian selepas cukai berjumlah RM7.27 juta manakala pada tahun 2015 YPNHSB mencatatkan keuntungan selepas cukai berjumlah RM2.67 juta dan sejumlah RM3.52 juta pada tahun 2016. Punca kerugian selepas cukai pada tahun 2014 disebabkan jumlah perbelanjaan yang tinggi pada tahun tersebut iaitu RM34.95 juta berbanding jumlah pendapatan RM27.43 juta dengan perbezaan sebanyak 78.5% dan tunggakan sewa yang dihapus kira berjumlah RM8.5 juta. Faktor keuntungan pada tahun 2015 dan 2016 antaranya disumbangkan oleh hasil jualan BTS daripada LBJ1 dan pengurangan kos operasi ladang dan perbelanjaan pentadbiran ladang. Selain itu, tiada hapus kira tunggakan sewa pada tahun 2015 dan 2016. **Jadual 1.1** dan **Carta 1.2** adalah berkaitan.

CARTA 1.1
TREND PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN 2014, 2015 DAN 2016



CARTA 1.2
TREND KEUNTUNGAN/(KERUGIAN)SELEPAS
CUKAI DAN KEUNTUNGAN/(KERUGIAN)
TERKUMPUL BAGI TAHUN 2014, 2015 DAN 2016



Sumber:Penyata Kewangan Beraudit YPNHSB Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014, 2015 dan 2016

Maklum Balas YPNHSB yang Diterima pada 7 Ogos 2017

- i. Pendapatan sewa pajakan menurun disebabkan pelaksanaan kadar sewa baru melalui perjanjian antara AML Enterprise Sdn. Bhd. (AMLESB), YP Nominees Holdings Sdn. Bhd. (YPNHSB) dan Jendela Padu Sdn. Bhd. (JPSB) yang ditandatangani pada 27 Januari 2016.*
- ii. Trend jumlah perbelanjaan menurun bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 kerana tiada lagi perbelanjaan operasi untuk ladang LSP yang ditanggung oleh YPNHSB.*
- iii. Kerugian terkumpul pada tahun 2014 adalah disebabkan peruntukan pelunasan revaluation surplus dari tahun 2010 hingga 2014 berjumlah RM12.96 juta yang diselaraskan pada tahun 2014 dan restated of account berikutan hapus kira tunggakan sewa pajakan oleh JPSB berjumlah RM10.97 juta.*

Pada pendapat Audit, YPNHSB menunjukkan prestasi pendapatan yang memuaskan pada tahun 2014, 2015 dan 2016 daripada yuran pengurusan, sewaan bangunan dan faedah diterima daripada deposit tetap serta hasil penjualan BTS pada tahun 2016. Walaupun pendapatan daripada hasil sewa pajakan menurun pada tahun 2015 dan meningkat pada tahun 2016 kerana kadar sewa pajakan LSP yang telah dikaji semula, ianya tetap menyumbang melebihi 90% daripada jumlah keseluruhan pendapatan utama YPNHSB. Trend perbelanjaan juga menunjukkan prestasi yang

memuaskan pada tahun 2014, 2015 dan 2016 kerana perbelanjaan operasi yang menurun untuk ladang LSP. Pihak YPNHSB juga berupaya mencatatkan keuntungan selepas cukai yang memuaskan pada tahun 2015 dan 2016 kerana pendapatan utama dan pendapatan lain yang meningkat.

- d. Analisis Audit juga mendapati YPNHSB mempunyai sumber kewangan yang mencukupi bagi memenuhi obligasi kewangan kerana kedudukan jumlah aset syarikat melebihi jumlah liabiliti bagi tahun 2014, 2015 dan 2016. Komponen terbesar yang menyumbang kepada aset syarikat ialah aset biologi manakala bagi liabiliti adalah pinjaman. Bagaimanapun, didapati tahap kecairan YPNHSB adalah kurang memuaskan kerana syarikat tidak mampu memenuhi obligasi jangka pendeknya iaitu liabiliti semasa melebihi aset semasa antara dua hingga empat kali ganda. Syarikat hanya dapat menjana pendapatan RM0.24 bagi setiap ringgit yang dilaburkan dalam aset bukan semasa. Selain itu, pengurusan kredit YPNHSB didapati kurang cekap kerana mengambil purata antara 39 hingga 117 hari untuk mengutip hutang berbanding polisi kredit kutipan yang ditetapkan iaitu 30 hari. Ini menunjukkan pelanggan tidak menjelaskan bayaran mereka dalam tempoh singkat untuk digunakan semula bagi membayar pemiutang. Polisi kredit bagi kutipan sewa pajakan adalah tempoh 30 hari seperti dalam perjanjian pajakan.

Maklum Balas YPNHSB yang Diterima pada 7 Ogos 2017

Nisbah kecairan dan nisbah keuntungan bergantung kepada sewa pajakan daripada JPSB, yuran pengurusan LB dan LBJ. Pendapatan yang diperolehi hanya mampu untuk membayar tanggungan semasa bulanan syarikat. Manakala hasil ladang belum mampu memberi pulangan kepada syarikat di mana LBJ baru memasuki tahun kedua penuaian iaitu hasil pengeluaran BTS masih rendah.

- e. Analisis Audit terhadap aliran tunai YPNHSB adalah bagi menilai keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasi, pelaburan dan pembiayaan untuk menampung keperluan perbelanjaan syarikat. Pada akhir tahun kewangan 2016, YPNHSB mempunyai tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM1.52 juta dengan penambahan sejumlah RM934,675 (158.6%) berbanding RM589,450 pada akhir tahun 2015. Antara faktor utama yang menyumbang kepada penambahan tunai dan kesetaraan tunai ini adalah peningkatan hasil yang diperolehi daripada sewa pajakan dan jualan BTS berjumlah RM1.79 juta serta pengurangan kos operasi pembangunan ladang di LSP, Bintulu Sarawak berjumlah RM2.48 juta.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan YPNHSB bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 adalah memuaskan. Ini kerana YPNHSB telah berupaya menjaga keuntungan pada tahun 2015 dan 2016 berjumlah RM2.67 juta dan RM3.52 juta walaupun pada tahun 2014 YPNHSB mengalami kerugian bersih berjumlah RM7.27 juta.

1.5.2. PENGURUSAN AKTIVITI

Aktiviti utama YP Nominees Holdings Sdn. Bhd. (YPNHSB) adalah pengurusan dan pembangunan ladang kelapa sawit. Hanya dua ladang yang diuruskan oleh YPNHSB manakala Ladang Sungai Pandan (LSP) di Bintulu, Sarawak dipajak dan diuruskan oleh Jendela Padu Sdn. Bhd. (JPSB). YP Nominees Holdings Sdn. Bhd. bertindak sebagai ejen pengurusan Yayasan Perak (YP) bagi menguruskan Ladang Bidor (LB) dan Ladang Besout Jaya (LBJ). Berdasarkan perenggan 2, dokumen perjanjian pengurusan bertarikh 9 Jun 2005 antara YP dan YPNHSB, yuran pengurusan akan dibayar sebanyak 10% atas hasil jualan buah tandan segar (BTS) di LB kepada YPNHSB. Manakala untuk LBJ, YPNHSB menerima yuran pengurusan sejumlah RM40 setiap hektar dan juga hasil daripada jualan BTS mengikut perenggan 4, dokumen perjanjian pengurusan antara YP dan YPNHSB yang bertarikh 29 Oktober 2013. Daripada jumlah keluasan 649.75 hektar yang diuruskan oleh YPNHSB, 558.78 hektar telah ditanam dengan pokok kelapa sawit pada tahun 1990, 2006, 2009, 2013 dan 2015. Ladang Bidor mula mengeluarkan hasil sebanyak 558 tan metrik pada tahun 2005 dan LBJ1 sebanyak 147.12 tan metrik pada tahun 2015. Manakala baki 90.97 hektar adalah kawasan yang tidak bertanam yang mempunyai antaranya tanah kosong, bangunan, jalan, longkang, kolam dan rumah pekerja. Usia pokok di dua ladang tersebut adalah antara dua hingga 27 tahun. Maklumat adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 1.2
SENARAI LADANG SEHINGGA PADA 31 DISEMBER 2016

NAMA LADANG	PENDAPATAN KEPADA YPNHSB	TAHUN SAWIT DITANAM	KELUASAN TANAH (Hektar)	KELUASAN TANAMAN BERHASIL (Hektar)	USIA POKOK (TAHUN)	TAHUN MULA KELUARKAN HASIL
Ladang Bidor	Yuran Pengurusan	1990, 2006, 2009	103.43	60.65	8 hingga 27	2005
Ladang Besout Jaya (Fasa 1 & 2),	Yuran Pengurusan dan Jualan BTS	2013, 2015	546.32	498.13	2 hingga 4	2015
Ladang Sg. Pandan	Sewa Pajak	-	5,124.19	--	-	-
JUMLAH			5,773.94	558.78		

Sumber: YPNHSB

Semakan Audit terhadap aktiviti pengurusan ladang YPNHSB mendapati perkara berikut:

1.5.2.1. Prestasi Aktiviti Pengeluaran dan Jualan BTS

- a. YPNHSB telah menetapkan jumlah BTS yang dikeluarkan oleh setiap ladang dalam Bajet Tahunan dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah YPNHSB setiap tahun bagi menentukan pendapatan syarikat tidak terjejas dan dapat menampung kos pengeluaran setiap ladang. Pengurus LB dan LBJ1 akan menghantar Penyata Laporan Bulanan Ladang setiap bulan yang antaranya terdiri daripada Jadual Perbandingan Pengeluaran Hasil Anggaran dan Sebenar kepada Ibu Pejabat, YPNHSB.
- b. Berdasarkan analisis terhadap Penyata Laporan Bulanan Ladang, jumlah hasil pengeluaran BTS bagi LB adalah 1,459.17 tan metrik (131.9%) pada tahun 2015 berbanding sasaran sebanyak 1,106.16 tan metrik. Jumlah hasil pengeluaran pada tahun 2016 adalah 1,258.87 tan metrik (109.5%) juga melebihi sasaran sebanyak 1,149.55 tan metrik. Bagaimanapun pada tahun 2014, jumlah hasil pengeluaran BTS bagi LB tidak mencapai sasaran iaitu 1,049.83 tan metrik (88.1%) sahaja berbanding sasaran sebanyak 1,191.79 tan metrik disebabkan oleh kekurangan taburan hujan iaitu cuaca panas kesan daripada fenomena El-Nino yang juga memberi kesan kepada industri sawit di seluruh negara. Selain itu, jumlah hasil pengeluaran BTS LBJ1 bagi tahun 2016 juga tidak mencapai sasaran iaitu hanya 874.18 tan metrik (87.4%) berbanding sasaran sebanyak 1,000 tan metrik kerana ladang tersebut baru mengeluarkan hasil untuk tahun pertama. Bagi tahun 2014 dan 2015, sasaran pengeluaran BTS untuk LBJ1 tidak dianggarkan kerana pokok kelapa sawit belum matang berumur 36 bulan iaitu masih dalam tempoh pra penuaian/*pre harvesting*. Bagaimanapun LBJ1 berupaya mengeluarkan hasil sebanyak 147.12 tan metrik pada tahun 2015 iaitu di luar jangkaan walaupun pokok kelapa sawit baru berusia 30 bulan manakala LBJ2 belum mengeluarkan hasil sawit.
- c. YPNHSB juga telah menetapkan sasaran jualan BTS bagi setiap ladang dalam Bajet Tahunan. Melalui cara ini YPNHSB dapat menganggarkan jumlah pendapatan tahunan daripada jualan BTS dan mengukur prestasi jualan berbanding sasaran. Jumlah pencapaian hasil jualan BTS bagi LB adalah berjumlah RM644,918 (128.8%) pada tahun 2015 berbanding sasaran RM500,558. Manakala jumlah pencapaian hasil jualan bagi LB pada tahun 2016 iaitu RM732,706 (151.4%) juga melebihi sasaran yang ditetapkan berjumlah RM484,045. Bagaimanapun pada tahun 2014, pencapaian jualan BTS bagi LB adalah rendah iaitu RM520,677 (93.2%) berbanding sasaran RM558,802 disebabkan oleh kesan daripada fenomena El-Nino serta faktor perubahan harga pasaran BTS.

- d. Pencapaian hasil jualan BTS LBJ1 bagi tahun 2016 adalah berjumlah RM459,633 (130.7%) iaitu melebihi sasaran RM351,790 walaupun ladang tersebut baru mengeluarkan hasil untuk tahun pertama. Bagi tahun 2014 dan 2015, sasaran jualan BTS bagi LBJ1 tidak dianggarkan kerana pokok sawit belum matang berumur kurang daripada 36 bulan iaitu masih dalam tempoh pra penuaian. Bagaimanapun pada tahun 2015 LBJ1 berupaya menjual BTS sejumlah RM49,507 iaitu di luar jangkaan walaupun pokok kelapa sawit baru berusia 30 bulan. Mengikut **Jadual 1.3**, sasaran BTS LBJ1 bagi tahun 2016 tidak mencapai tahap pengeluaran dari segi pengiraan berat timbangannya. Namun disebabkan harga pasaran satu tan metrik BTS yang sentiasa berubah pada tahun 2016 antara 7.9% hingga 74.3% menyebabkan pencapaian sebenar dari segi jualan BTS melebihi sasaran.

JADUAL 1.3
TAHAP PENCAPAIAN PENGELUARAN SEBENAR BTS
LB DAN LBJ1 BERBANDING SASARAN BAGI TAHUN 2014, 2015 DAN 2016

TAHUN/LADANG	PENGELUARAN BTS (TAN METRIK)				JUALAN BTS			
	SASARAN	SEBENAR	LEBIHAN/ KURANGAN	CAPAI (%)	SASARAN (RM)	SEBENAR (RM)	LEBIHAN/ KURANGAN (RM)	CAPAI (%)
2014								
Ladang Bidor	1,191.79	1,049.83	-141.96	88.1	558,802	520,677	-38,125	93.2
Ladang Besout Jaya Fasa 1	**	**	**	**	**	**	**	**
2015								
Ladang Bidor	1,106.16	1,459.17	353.01	131.9	500,558	644,918	144,360	128.8
Ladang Besout Jaya Fasa 1	**	147.12	-	-	**	49,507	-	-
2016								
Ladang Bidor	1,149.55	1,258.87	109.32	109.5	484,045	732,706	248,661	151.4
Ladang Besout Jaya Fasa 1	1,000.00	874.18	-125.82	87.4	351,790	459,633	107,843	130.7

Sumber: Penyata Laporan Bulanan LB dan LBJ1

Nota : **Tempoh Pra Penuaian

Pada pendapat Audit, tahap pengeluaran dan jualan adalah memuaskan dan melepasi sasaran yang ditetapkan walaupun pada tahun 2014 sasaran pengeluaran dan jualan BTS tidak tercapai kerana faktor di luar kawalan syarikat iaitu cuaca panas kesan daripada fenomena El-Nino serta faktor turun naik harga pasaran BTS.

- e. Mengikut maklumat yang dikeluarkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), purata pengeluaran setahun BTS sehektar bagi kawasan matang di Semenanjung Malaysia untuk tahun 2014, 2015 dan 2016 adalah sebanyak 18.23, 18.77 dan 15.77 tan metrik sehektar setahun. Bagi tujuan analisis Audit, purata pengeluaran BTS setahun yang ditetapkan oleh MPOB dijadikan sebagai penanda aras/*benchmark* dan perbandingan dibuat bagi

mengukur prestasi pencapaian pengeluaran BTS ladang-ladang kelapa sawit di Semenanjung Malaysia. Dengan menggunakan penanda aras MPOB, pihak pengurusan syarikat boleh meningkatkan usaha bagi mencapai prestasi pengeluaran BTS setahun. Analisis Audit mendapati purata sehektar pengeluaran BTS pada tahun 2015 dan 2016 di LB dan LBJ1 iaitu sebanyak 24.05 dan 19.03 tan metrik sehektar adalah lebih tinggi berbanding purata pengeluaran negara sebanyak 18.77 dan 15.77 tan metrik sehektar. Bagaimanapun, purata pengeluaran sehektar setahun pada tahun 2014 bagi LB sebanyak 17.31 tan metrik sehektar adalah rendah berbanding purata negara 18.23 tan metrik sehektar disebabkan fenomena El-Nino. Kedudukan perbandingan antara purata pengeluaran BTS YPNHSB dengan purata pengeluaran BTS Semenanjung Malaysia yang dikeluarkan oleh MPOB bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 1.4
PURATA PENGELUARAN BTS LB DAN LBJ1 BAGI TAHUN 2014, 2015 DAN 2016

BIL.	LADANG	TAHUN/TAN METRIK SEHEKTAR		
		2014	2015	2016
1.	Ladang Bidor	17.31	24.05	20.75
2.	Ladang Besout Jaya Fasa 1	**	**	17.31
Purata Pengeluaran dua Ladang		17.31	24.05	19.03
Purata Pengeluaran BTS Semenanjung Malaysia (MPOB)		18.23	18.77	15.77
Perbandingan Purata Pengeluaran BTS Dengan MPOB		-0.92	5.28	3.26

Sumber:Penyata Laporan Bulanan LB dan LBJ1 Dan MPOB

Nota: ** Tempoh Pra Penuaian

Maklum Balas YPNHSB yang Diterima pada 7 Ogos 2017

Pihak YPNHSB menjelaskan beberapa faktor menyebabkan pencapaian hasil BTS rendah di LB pada tahun 2014 antaranya adalah kerana kesan El-Nino menyebabkan kegagalan pembentukan buah yang maksima serta mengurangkan timbangan berat buah. Blok OP90 di LB telah mengalami serangan penyakit kulat Ganoderma menyebabkan pokok tidak produktif dan tumbang. Manakala hasil pengeluaran BTS di LBJ1 tidak mencapai sasaran pada tahun 2016 adalah kerana beberapa faktor antaranya seperti umur pokok yang masih muda antara tiga hingga empat tahun, kawasan berbukit dan taburan hujan yang kurang.

Pada pendapat Audit, purata pengeluaran BTS berbanding purata MPOB bagi LB pada tahun 2015 dan 2016 adalah memuaskan iaitu melepasi purata MPOB walaupun pada tahun 2014 purata pengeluaran tidak tercapai kerana kesan cuaca panas fenomena El-Nino.

1.5.2.2. Prestasi Kewangan Ladang

- a. Setiap pengurus ladang bertanggungjawab menyediakan laporan mengenai kedudukan pendapatan dan perbelanjaan ladang bagi tujuan pemantauan dan kawalan. Kedudukan prestasi kewangan bagi LB dan LBJ yang diuruskan oleh YPNHSB adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 1.5
KEDUDUKAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
LADANG BIDOR DAN LADANG BESOUT JAYA BAGI TAHUN 2014, 2015 DAN 2016

BUTIRAN	2014 (RM)		2015 (RM)		2016 (RM)	
	LB	LBJ	LB	LBJ	LB	LBJ
Jualan Buah Tandan Segar	520,677	-	644,917	49,506	732,721	459,633
Pelbagai Pendapatan	1,141	-	1,501	-	20	-
Jumlah Pendapatan	521,818	-	646,418	49,056	732,741	459,633
Jumlah Perbelanjaan	(405,634)	(1,756,060)	(441,354)	(2,976,726)	(464,234)	(1,550,423)
Lebih Pendapatan	116,184	-	205,064	-	268,507	-
Lebih Pendapatan Per Hektar Tanaman Berhasil	1,916	-	3,381	-	4,427	-

Sumber: YPNHSB

- b. Berdasarkan **Jadual 1.5**, hanya LB yang menunjukkan lebih pendapatan sehektar manakala LBJ masih belum menunjukkan lebih pendapatan. Analisis Audit mendapati lebih pendapatan sehektar LB tertinggi sejumlah RM4,427 sehektar pada tahun 2016. Lebih pendapatan sehektar bagi LB didapati meningkat sejumlah RM1,465 iaitu 76.5% pada tahun 2015 berbanding 2014 manakala pada tahun 2016 meningkat sejumlah RM1,046 iaitu 30.9% berbanding tahun 2015. Mengikut rekod kewangan setakat tahun 2015, bermula pada tahun 2005, LB telah menyumbangkan pendapatan kepada YP berjumlah RM2.45 juta dan pendapatan yuran pengurusan berjumlah RM721,337 kepada YPNHSB. Pada tahun 2014, lebih pendapatan per hektar bagi LB adalah rendah kerana kos pengeluaran/kos operasi estet yang tinggi seperti peningkatan kos baja, racun dan pengangkutan. Manakala bagi LBJ pula, tiada lebih pendapatan direkodkan kerana masih di peringkat pra penuaian iaitu belum cukup matang untuk menghasilkan buah kelapa sawit yang optimum.

Maklum Balas YPNHSB yang Diterima pada 7 Ogos 2017

- i. YPNHSB adalah ejen pengurusan kepada LB kepunyaan YP dan mengenakan yuran pengurusan sebanyak 10% daripada hasil jualan BTS. Prestasi kewangan LB adalah baik pada tahun 2015 dan 2016 di mana hasil kekal melebihi 20 tan metrik sehektar setahun. Pengurusan memutuskan untuk melaksanakan penanaman semula*

apabila hasil pengeluaran menurun kepada paras di bawah 18 tan metrik sehektar setahun.

- ii. LBJ Fasa 1 mulai ditanam pokok kelapa sawit pada tahun 2013 dan baru memasuki tahun ke dua pra-pengeluaran. Bagi tahun pertama iaitu pada tahun 2016, kawasan pengeluaran hanya seluas 100 hektar. Pada tahun 2017, jumlah keluasan pengeluaran meningkat kepada 197 hektar iaitu keseluruhan kawasan Fasa 1 yang bertanam. Purata hasil sebulan adalah 200 tan metrik dan anggaran pendapatan sebulan adalah RM70,000 ke atas. Manakala LBJ Fasa 2 pula, mulai ditanam pokok kelapa sawit pada tahun 2015 dan pada bulan Julai 2017 baru dilaksanakan scout harvesting. LBJ Fasa 1 dan 2 masih belum mencapai prestasi kewangan dari aspek pendapatan yang disasarkan.*

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan LB untuk tempoh tahun 2014, 2015 dan 2016 adalah memuaskan manakala bagi LBJ masih di peringkat pra penuaian dan masih belum menunjukkan prestasi sebenar.

1.5.2.3. Pelaksanaan Aktiviti Penyenggaraan Ladang

- a. Penyenggaraan ladang adalah antara aktiviti atau aspek pengurusan ladang yang diusahakan. Penyenggaraan ladang seperti mengawal rumpai, kawalan perosak dan penyakit, menggreding/membaiki jalan dan jambatan, mencuci parit, membaja pokok dan memangkas pelepah pokok serta lain-lain perlu dijalankan secara berkala dan berjadual bagi memastikan kawasan ladang dan tanaman sawit sentiasa dalam keadaan yang baik. Bagi tempoh tahun 2014, 2015 dan 2016, YPNHSB telah membelanjakan sejumlah RM6.28 juta untuk penyenggaraan ladang. Semakan Audit mendapati pihak pengurusan ladang YPNHSB di LB dan LBJ telah menyediakan perancangan/program penyenggaraan ladang secara menyeluruh seperti jadual berikut:

**JADUAL 1.6
PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN AKTIVITI
PENYENGGARAAN LADANG BAGI TAHUN 2014, 2015 DAN 2016**

BIL.	JENIS PENYENGGARAAN	KEKERAPAN		PELAKSANAAN
		(KALI SETAHUN)	(BULAN)	
1.	Mengawal Rumpai • Meracun Bulatan • Meracun Pilihan	3 3	Januari, Mei, September Mac, Julai, November	Mengikut Jadual Dan Kekekapan
2.	Kawalan Perosak Dan Penyakit • Meracun Ulat Bungkus • Kulat Ganoderma	1 1	April Mei	Mengikut Jadual Dan Kekekapan
3.	Menggreding Dan Baiki Jalan	1	Jun	Mengikut Jadual Dan Kekekapan
4.	Mencuci Parit	2	Mei, November	Mengikut Jadual Dan Kekekapan

BIL.	JENIS PENYENGGARAAN	KEKERAPAN		PELAKSANAAN
		(KALI SETAHUN)	(BULAN)	
5.	Membanci Pokok	1	September	Mengikut Jadual Dan Kekerapan
6.	Membaja Pokok Sawit	8	Januari, Februari, Mei, Jun, Ogos, September, Oktober, November	Mengikut Jadual Dan Kekerapan
7.	Memangkas Pelepah Sawit	2	Februari, Ogos	Mengikut Jadual Dan Kekerapan

Sumber: YPNHSB

- b. Lawatan Audit ke LB dan LBJ pada 12 April 2017 mendapati pihak pengurusan ladang YPNHSB telah melaksanakan penyenggaraan dengan memuaskan iaitu mengikut jadual dan kekerapan yang ditetapkan serta mengikut keperluan. Berdasarkan Laporan Penyenggaraan Ladang serta temu bual bersama pengurus di LB dan LBJ, pelaksanaan penyenggaraan tidak mengikut jadual hanya berlaku apabila keadaan di luar kawalan seperti faktor cuaca. Bagaimanapun, semua aktiviti penyenggaraan berjaya dilaksanakan. Semasa lawatan Audit di LB dan LBJ mendapati keadaan ladang adalah teratur dan memuaskan. Laporan kemajuan/prestasi penyenggaraan ladang juga dikemukakan kepada ibu pejabat YPNHSB setiap minggu dan bulan untuk tujuan pemantauan, pembentangan dan perbincangan di mesyuarat ahli Lembaga Pengarah syarikat.

Pada pendapat Audit, perancangan dan pelaksanaan aktiviti penyenggaraan di LB dan LBJ adalah memuaskan kerana penyenggaraan telah dibuat mengikut perancangan yang ditetapkan.

- c. Seterusnya, lawatan Audit ke LBJ pada 12 April 2017 mendapati sebanyak 30 pokok kelapa sawit diserang ulat bungkus di kawasan seluas 0.3 hektar seperti gambar berikut:

GAMBAR 1.1



Ladang Besout Jaya, Sungkai
- Pokok Sawit Diserang Ulat Bungkus
(12.4.2017)

GAMBAR 1.2



Ladang Besout Jaya, Sungkai
- Pokok Sawit Diserang Ulat Bungkus
(12.4.2017)

- d. Mengikut pengurus LBJ, semburan racun telah dibuat pada minggu pertama bulan April 2017 bagi mengatasi serangan ulat bungkus di kawasan tersebut. Namun begitu serangan ulat bungkus tidak boleh dijangka dan boleh berlaku pada bila-bila masa dan berkemungkinan menyerang kawasan lain pula serta di luar kawalan pihak pengurusan ladang. Pihak pengurusan LBJ sentiasa memantau serangan ulat bungkus dari semasa ke semasa.

Maklum Balas YPNHSB yang Diterima pada 7 Ogos 2017

Pihak pengurusan LBJ telah mengambil tindakan sewajarnya dengan menyembur racun kepada pokok kelapa sawit di kawasan yang terlibat dengan serangan ulat bungkus.

Pada pendapat Audit, kawalan terhadap serangan ulat bungkus perlu terus dipantau kerana serangan serangga perosak boleh menjejaskan hasil dan kualiti sawit serta menyebabkan penurunan pendapatan YPNHSB.

- e. Berdasarkan analisis melalui Penyata Kewangan YPNHSB, perbelanjaan penyenggaraan ladang meliputi kos membaja, penyenggaraan jalan ladang, meracun, pengairan, kawalan perosak/penyakit dan sebagainya. Kerja penyenggaraan ladang telah dilaksanakan oleh pekerja tempatan dan asing serta dipantau oleh pengurusan ladang YPNHSB. Pihak Audit menggunakan kos sebenar perbelanjaan penyenggaraan di LBJ1 dan LBJ2 untuk dianalisis kerana dua ladang tersebut melibatkan perbelanjaan yang tinggi iaitu masih di peringkat awal pembangunan ladang dan penanaman berbanding LB yang telah lama dibangunkan. Tujuan analisis adalah untuk melihat jumlah keperluan peruntukan dan komponen aktiviti yang utama dalam penyenggaraan ladang. Berdasarkan analisis melalui Laporan Ladang dan Penyata Kewangan YPNHSB, jumlah perbelanjaan penyenggaraan di tiga ladang iaitu di LBJ1, LBJ2 dan LB bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 adalah RM8.18 juta. Kos penyenggaraan untuk tiga ladang berkenaan meningkat sejumlah RM1.22 juta atau 52.6% daripada RM2.33 juta pada tahun 2014 kepada RM3.55 juta pada tahun 2015. Manakala kos penyenggaraan bagi tiga ladang tersebut menurun sejumlah RM1.25 juta atau 35.2% daripada RM3.55 juta pada tahun 2015 kepada RM2.3 juta pada tahun 2016. Peningkatan ketara pada tahun 2015 adalah disebabkan pertambahan kos pembajaan di LBJ1 dan LBJ2 serta pembinaan teres di LBJ2 yang berbukit dan baru matang. Belanja am pentadbiran ladang juga tinggi bagi ketiga-tiga ladang. Walaupun terdapat penurunan kos penyenggaraan keseluruhan bagi tiga ladang pada tahun 2016 namun kos pembajaan terus meningkat dari tahun ke tahun.

- f. Semakan terhadap Laporan Ladang mendapati kos pembajaan meningkat kerana harga baja yang sentiasa berubah bergantung kepada harga pasaran. Semakan selanjutnya terhadap invois bagi pembelian baja mendapati bekalan baja diperolehi daripada pembekal yang berlainan melalui tawaran terendah sebutharga. Kos pembinaan teres adalah tinggi pada tahun 2015 sejumlah RM515,131 atau 58.1% di LBJ2 berbanding tahun 2014 dan 2016 kerana ladang tersebut memerlukan pembinaan teres yang banyak bagi menanam pokok kelapa sawit di kawasan yang berbukit. Daripada analisis Audit, YPNHSB memerlukan peruntukan antara RM400,000 hingga RM2.3 juta setahun bagi kos penyenggaraan LBJ1 dan LBJ2 manakala antara RM400,000 hingga RM600,000 setahun bagi kos penyenggaraan LB.

1.5.2.4. Penanaman Semula Pokok Kelapa Sawit

- a. Dasar Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menetapkan kriteria penanaman semula mandatori terhadap pemilik ladang iaitu tidak dibenarkan menyimpan pokok yang berumur lebih daripada 25 tahun dan melebihi 5% daripada jumlah kawasan kelapa sawit yang mengeluarkan hasil kurang daripada 16 tan metrik sehektar setahun bagi tempoh tiga tahun yang lepas. Ladang Bidor di Langkap, Perak dengan keluasan 103.43 hektar mulai ditanam dengan pokok kelapa sawit pada tahun 1990 hingga 2009. Terdapat tiga blok di LB yang ditanam pokok kelapa sawit iaitu Blok OP90 seluas 53.51 hektar, OP06 seluas 5.86 hektar dan OP09 seluas 1.28 hektar. Keluasan tanaman berhasil adalah 60.65 hektar dan usia pokok kelapa sawit adalah antara lapan hingga 27 tahun. Ladang ini mula mengeluarkan hasil pada tahun 2005.
- b. Semakan Audit mendapati pokok kelapa sawit di Blok OP90 dengan keluasan 53.51 hektar atau 88.2% daripada 60.65 hektar keluasan keseluruhan telah berusia 25 tahun ke atas. Bagaimanapun, didapati purata pengeluaran BTS di LB bagi Blok OP90 masih tinggi iaitu antara 17.31 hingga 24.05 tan metrik sehektar setahun bagi tiga tahun iaitu 2014, 2015 dan 2016 yang mana melebihi 16 tan metrik sehektar setahun yang ditetapkan MPOB. Menurut pegawai pengurusan LB, purata hasil pengeluaran BTS yang masih tinggi adalah kerana pengurusan ladang yang cekap iaitu penggunaan baja yang bergred tinggi dan benih pokok kelapa sawit yang berkualiti baik. Semakan selanjutnya mendapati pihak pengurusan YPNHSB masih belum membuat perancangan berkaitan keperluan kewangan untuk menanam semula pokok kelapa sawit di LB dan keperluan tersebut juga belum dimasukkan dalam bajet tahunan 2018.

Pada pendapat Audit, walaupun hasil BTS yang dikeluarkan di LB masih pada purata yang tinggi iaitu 20.7 tan metrik sehektar setahun bagi tiga tahun iaitu 2014, 2015 dan 2016 namun YPNHSB perlu ada perancangan awal untuk menanam semula pokok kelapa sawit supaya pendapatan secara berterusan dapat dikekalkan.

c. Kawasan ladang yang mempunyai pokok kelapa sawit yang berusia 25 tahun ke atas adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 1.3



Ladang Bidor, Langkap
- Pokok Kelapa Sawit Berusia Lebih 25 Tahun
(12.04.2017)

GAMBAR 1.4



Ladang Bidor, Langkap
- Pokok Kelapa Sawit Berusia Lebih 25 Tahun
(12.04.2017)

Maklum Balas YPNHSB yang Diterima pada 7 Ogos 2017

Pihak pengurusan YPNHSB memutuskan untuk menanam semula pokok kelapa sawit di Blok OP90 apabila pencapaian hasil BTS bagi dua tahun berturut-turut iaitu tahun 2013 dan 2014 di bawah 18 tan metrik sehektar setahun. Bagaimanapun, pada tahun 2015 pencapaian hasil naik mendadak kepada 24.05 tan metrik sehektar yang mana menunjukkan Ladang Bidor masih berpotensi untuk mengeluarkan hasil yang tinggi. Purata harga minyak sawit mentah (MSM) juga meningkat dan stabil pada tahun 2015 dan 2016 iaitu pada kadar RM2,145 tan metrik hingga RM2,616 tan metrik berbanding pada tahun 2014 hanya pada RM1,900 tan metrik. Penanaman semula ditangguhkan sekiranya pencapaian hasil masih boleh dipertingkatkan dan keadaan harga MSM juga agak tinggi serta kos pengeluaran pada kadar yang ekonomik.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan aktiviti YPNHSB adalah memuaskan dan selaras dengan objektif penubuhannya. Prestasi pengeluaran dan jualan BTS, prestasi kewangan ladang dan prestasi pelaksanaan aktiviti penyenggaraan dan perancangan penanaman semula pokok kelapa sawit adalah memuaskan.

1.5.3. Tadbir Urus

1.5.3.1. Tadbir urus merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Ia merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat dan pengurusan risiko. Tadbir urus yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. Tadbir urus yang baik patut diamalkan dengan meluas untuk memaparkan mutu dan integriti tertinggi pemimpin dalam organisasi. Antara amalan terbaik yang boleh diguna pakai adalah *Malaysian Code on Corporate Governance* (MCCG), *The Green Book - Enhancing Board Effectiveness* April 2006, Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) Disember 2014 [*Handbook*], 1PP - WP 7.4 (Pelantikan Lembaga Pengarah BBP Sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Dalam Syarikat Subsidiari) dan panduan tadbir urus daripada *Chartered Institute of Internal Auditor*.

1.5.3.2. Semakan Audit telah dijalankan terhadap amalan tadbir urus di YP Nominees Holdings Sdn. Bhd. (YPNHSB) dan penemuan Audit terhadap lapan aspek amalan tadbir urus penting adalah seperti berikut:

a. Pengerusi

- i. Mengikut amalan terbaik, Pengerusi hendaklah tidak mempunyai kuasa eksekutif serta tidak campur tangan dalam urusan operasi harian syarikat. Selain itu, tugas dan tanggungjawab Pengerusi hendaklah ditentukan secara bertulis dengan jelas. Sebagai tadbir urus baik, Pengerusi juga hendaklah tidak menganggotai jawatankuasa lain di peringkat Lembaga Pengarah syarikat untuk mengelakkan risiko konflik kepentingan seperti mana disarankan oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) dalam Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) [*Handbook*].
- ii. Semakan Audit terhadap amalan terbaik tadbir urus yang tersebut di atas mendapati YPNHSB telah melaksanakan tiga daripada empat amalan terbaik dalam aspek Pengerusi yang melibatkan perkara berikut:
 - Pengerusi tidak mempunyai kuasa eksekutif dan tidak campur tangan dalam urusan operasi harian syarikat [MCCG 2012 *principle* 3, *recommendation* 3.4 & *Green Book* perenggan 1.1.3];
 - Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) adalah dua individu yang berbeza [MCCG 2012 *principle* 3, *recommendation* 3.4 & *Green Book* perenggan 1.1.3]; dan

- Pengerusi tidak menganggotai jawatankuasa lain di peringkat Lembaga Pengarah syarikat [Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) – (*Handbook*) perenggan 2.2(d)].
- iii. Mengikut MCCG *principle 1, recommendation 1.1, 1.2 & Green Book* perenggan 1.1.3 dan 2.1.3 menyarankan tugas dan tanggungjawab Pengerusi hendaklah ditentukan secara bertulis dengan jelas. Semakan Audit mendapati Pengerusi syarikat YPNHSB adalah seorang ahli politik dan merupakan pengarah berstatus bebas yang tidak menjawat jawatan dalam syarikat. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati tugas dan tanggungjawab Pengerusi tidak ditentukan secara bertulis dengan jelas.

Maklum Balas YPNHSB yang Diterima pada 7 Ogos 2017

Pihak YPNHSB menjelaskan bahawa terma rujukan / Terms of Reference (TOR) secara bertulis bagi pelantikan Pengerusi YPNHSB iaitu menyenaraikan tugas dan tanggungjawab Pengerusi dengan jelas dan TOR sedang disediakan dan dijangka siap pada penghujung bulan Ogos 2017.

Pada pendapat Audit, tugas dan tanggungjawab Pengerusi hendaklah ditentukan secara bertulis dengan jelas sebagaimana amalan terbaik yang digariskan dalam MCCG 2012.

b. Lembaga Pengarah

- i. Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan syarikat beroperasi selaras dengan objektif penubuhannya melalui penyediaan strategi, pelan perniagaan (*business plan*) yang mantap, dan rangka kerja tadbir urus yang berkesan. Pada 31 Mei 2017, Lembaga Pengarah YPNHSB dianggotai oleh dua orang pengarah bebas dan empat orang pengarah bukan bebas seperti di **Jadual 1.7**. Semakan Audit terhadap amalan terbaik tadbir urus bagi Lembaga Pengarah mendapati enam daripada sepuluh amalan terbaik ini telah dilaksanakan oleh YPNHSB seperti berikut:
- Komposisi Lembaga Pengarah tidak melebihi 10 orang [*Green Book* perenggan 1.1.1];
 - Lembaga Pengarah dilantik atas kepakaran dan berpengalaman dalam bidang yang berkaitan dengan perniagaan syarikat [*Green Book* perenggan 1.1.4];
 - Lembaga Pengarah mewujudkan kod etika rasmi syarikat [MCCG 2012 *principle 1 recommendation 1.3*];

- Lembaga Pengarah menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya 50%. [*Green Book*, perenggan 2.1];
 - Lembaga Pengarah memastikan ahlinya mempunyai akses kepada program pembelajaran yang berterusan bagi memperkasakan diri dalam pembangunan perniagaan yang dinamik dan kompleks serta mengekalkan penyertaan yang aktif semasa mesyuarat [MCCG 2012, *principle 4 recommendation 4.2*]; dan
 - Semua keputusan perniagaan yang material/signifikan dibuat melalui mesyuarat Lembaga Pengarah dan bukan secara DCR (Resolusi Lembaga Pengarah). *Handbook* - perenggan 2.5(d)].
- ii. *Green Book* perenggan 1.1.2 menyatakan sekiranya Pengerusi bebas satu per tiga ahli Lembaga Pengarah hendaklah bebas. Semakan Audit mendapati bilangan Ahli Lembaga Pengarah yang telah dilantik adalah seramai enam orang iaitu terdiri daripada seorang ahli politik, seorang wakil luar/pengarah syarikat dan empat orang wakil Kerajaan daripada Yayasan Perak. Ini bermakna hanya dua daripada enam ahli Lembaga Pengarah adalah bebas termasuk Pengerusi. Komposisi ini tidak mematuhi syarat di atas yang sekurang-kurangnya dua daripada lima ahli Lembaga Pengarah hendaklah bebas tidak termasuk Pengerusi. Butiran lanjut mengenai Ahli Lembaga Pengarah YPNHSB adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 1.7
KOMPOSISI AHLI LEMBAGA PENGARAH PADA BULAN MEI 2017

BIL.	JAWATAN	KEAHLIAN LEMBAGA PENGARAH YPNHSB	KELAYAKAN/ KEMAHIRAN/ PENGALAMAN	TARIKH LANTIKAN	STATUS PENGARAH	
					PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF [YA (✓)/ TIDAK (X)]	PENGARAH BEBAS [YA (✓)/ TIDAK (X)]
1.	Ahli Politik	Pengerusi	MBA/Bidang Perniagaan/ 20 Tahun	01.07.2013	✓	✓
2.	Pengarah Syarikat Luar	Ahli	Ijazah/Bidang Perniagaan/ 16 Tahun	01.09.2009	✓	✓
3.	Pengurus Besar YP	Ahli	MBA/Bidang Perniagaan/ 8 Tahun	02.01.2017	✓	X
4.	Pengarah Kewangan YP	Ahli	MBA/Bidang Perniagaan/ 15 Tahun	01.03.2005	✓	X
5.	Eksekutif Projek YP	Ahli	Diploma/Bidang Senibina 15 Tahun	01.11.2013	✓	X
6.	Pengurus Pendidikan YP	Ahli	Ijazah/Bidang Perniagaan/ 10 Tahun	02.01.2017	✓	X

Sumber: YPNHSB

- iii. Selain itu, mengikut MCCG 2012 *principle 1, recommendation 1.2* dan *Green Book* perenggan 1.2.2 Lembaga Pengarah hendaklah menyatakan peranan dan tanggungjawab ahli dengan jelas dalam melaksanakan tanggungjawab fidusiari dan Lembaga Pengarah juga hendaklah menyediakan terma rujukan bagi setiap jawatankuasa di peringkat Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati terma rujukan/TOR tidak disediakan secara bertulis bagi menerangkan dengan jelas tugas dan tanggungjawab setiap enam ahli Lembaga Pengarah.

Maklum Balas YPNHSB yang Diterima pada 7 Ogos 2017

Pihak YPNHSB menjelaskan pihak pengurusan syarikat tidak menerima dan mengguna pakai Buku Hijau Enhancing Board Effectiveness oleh Suruhanjaya Sekuriti serta tidak menerima dan mengguna pakai mana-mana terma dan syarat kod tadbir urus korporat 2012 bagi ahli Lembaga Pengarah. Bagaimanapun, pihak pengurusan dalam proses mendapatkan kelulusan Lembaga Pengarah untuk mengguna pakai Buku Hijau dan kod tadbir urus korporat dalam pengurusan YPNHSB.

Pada pendapat Audit, walaupun YPNHSB tidak menerima pakai Buku Hijau *Enhancing Board Effectiveness* oleh Suruhanjaya Sekuriti dan syarat kod tadbir urus korporat 2012, elemen penting seperti komposisi lembaga pengarah dan terma rujukan/TOR patut diikuti sebagai amalan terbaik syarikat.

c. Ketua Pegawai Eksekutif

- i. Berdasarkan amalan terbaik, Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) hendaklah dilantik oleh pemegang saham/Menteri/agensi yang bertanggungjawab sepertimana disarankan oleh *Handbook* perenggan 3.5. Selain itu, MCCG 2012 *principle 1, recommendation 1.1* dan *Green Book* perenggan 2.1.3 menyatakan tugas dan tanggungjawab KPE hendaklah ditentukan secara bertulis dengan jelas.
- ii. Semakan Audit mendapati KPE dilantik oleh Lembaga Pengarah pada bulan November 2016 menggantikan Pengarah Urusan YPNHSB yang telah bersara pada bulan Oktober 2016. Sehingga bulan Mei 2017, beliau telah memegang jawatan KPE selama tujuh bulan. Beliau ditugaskan mengurus dan mengawalselia operasi harian syarikat dan melaporkan kemajuan perniagaan syarikat kepada Lembaga Pengarah. Beliau mempunyai lebih 20 tahun pengalaman dalam bidang pengurusan akaun dan operasi syarikat kerana beliau adalah bekas Eksekutif Akaun Kanan YPNHSB daripada tahun 2009 hingga 2015. Bagaimanapun,

semakan Audit mendapati tiada dokumen/terma rujukan mengenai syarat pelantikan KPE yang dikeluarkan YPNHSB/YP yang mengandungi perkara penting antaranya seperti kadar emolumen, kelayakan elaun, tempoh perkhidmatan, cuti, senarai/bidang tugas dan sebagainya melainkan surat pelantikan dan pelantikan KPE hanya dinyatakan dalam minit mesyuarat Lembaga Pengarah.

Maklum Balas YPNHSB yang Diterima pada 7 Ogos 2017

Pihak YPNHSB hanya menyediakan dokumen pelantikan KPE seperti petikan Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil.42 (2/2016) bertarikh 7 November 2016, surat pelantikan KPE bertarikh 7 November 2016 dan Borang 49 - Daftar Pengarah, Pengurus dan Setiausaha dan Perubahan Maklumat. Bagaimanapun, pihak syarikat dalam proses untuk menyediakan TOR secara bertulis untuk pelantikan KPE.

Pada pendapat Audit, KPE yang dilantik mempunyai kelayakan dan pengalaman yang diperlukan dalam bidang pengurusan dan akaun kerana beliau adalah bekas Eksekutif Akaun Kanan di YPNHSB sebelum dilantik sebagai KPE. Bagaimanapun tanpa TOR yang jelas boleh mengakibatkan prestasi perkhidmatan KPE tidak dapat dinilai secara objektif dari segi tugas dan tanggungjawab, skop kerja, kenaikan gaji tahunan, bonus, kelayakan cuti serta manfaat yang lain. Terma rujukan juga perlu disediakan sebagai panduan kepada KPE bagi mengekalkan konsistensi prestasi YPNHSB.

d. Standard Operating Procedures

- i. Lembaga Pengarah hendaklah memastikan *Standard Operating Procedures* (SOP) merangkumi proses, prosedur dan polisi yang lengkap dan menyeluruh terhadap aspek kewangan dan aktiviti dalam menguruskan syarikat bagi mencapai objektifnya. Semakan semula terhadap SOP perlu dilaksanakan sekiranya terdapat keperluan dan perubahan dalam operasi syarikat. SOP dan sebarang perubahannya perlu mendapat kelulusan Lembaga Pengarah.
- ii. Semakan Audit mendapati SOP yang disediakan oleh YPNHSB hanya bagi perjawatan di Unit Pentadbiran dan Sumber Manusia dan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 10 Oktober 2016. Manakala SOP bagi pengurusan kewangan, aktiviti dan aset masih belum disediakan.

Pada pendapat Audit, YPNHSB bertanggungjawab menyediakan SOP atau Manual Prosedur Kewangan/Aset untuk memantap dan menambahbaik pengurusan YPNHSB supaya objektif penubuhan YPNHSB tercapai.

e. Rancangan Korporat dan Petunjuk Prestasi Utama

- i. Amalan terbaik MCCG 2012 (*principle 1, recommendation 1.2*) menyarankan antara tugas Lembaga Pengarah adalah meneliti dan meluluskan rancangan korporat yang dicadangkan oleh pengurusan syarikat serta memantau pelaksanaannya. Selain itu, berdasarkan amalan terbaik *Green Book* Bahagian 1 perenggan 3.2 menyarankan peranan Lembaga Pengarah adalah memantau prestasi dan pencapaian syarikat serta memastikan syarikat diuruskan dengan baik dan berkesan. Kaedah yang paling berkesan adalah dengan mengukur pencapaian dan prestasi syarikat melalui penetapan Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicators/KPI*).
- ii. Semakan Audit mendapati YPNHSB ada menyediakan rancangan korporat yang merangkumi visi dan matlamat rancangan jangka pendek serta jangka panjang YPNHSB serta kaedah pencapaian matlamat. Bagaimanapun, rancangan korporat tersebut masih belum dibenteng untuk mendapat kelulusan Lembaga Pengarah.

Pada pendapat Audit, pengurusan YPNHSB bertanggungjawab membentangkan rancangan korporat yang disediakan kepada Lembaga Pengarah YPNHSB untuk kelulusan.

f. Jawatankuasa Audit

- i. Lembaga Pengarah hendaklah mewujudkan Jawatankuasa Audit (JKA) yang bertanggungjawab menilai dan memberi syor terhadap kualiti kawalan dalaman operasi syarikat kepada Lembaga Pengarah untuk meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan syarikat.
- ii. Berdasarkan MCCG 2012, *principle 6 recommendation 6.2* dan *Green Book* perenggan 1.2.1 menyarankan Lembaga Pengarah menubuhkan Jawatankuasa Audit, dipengerusikan oleh Pengarah Bebas, mempunyai komposisi sekurang-kurangnya tiga ahli dan tidak melebihi empat ahli sama ada di kalangan Lembaga Pengarah atau orang luar yang memiliki kepakaran kewangan. Semakan Audit mendapati JKA tidak ditubuhkan di peringkat YPNHSB dan juga di peringkat YP.

g. Audit Dalaman

- i. Peranan utama Audit Dalaman ialah menilai pematuhan, pengurusan kepada dasar dan prosedur yang ditetapkan. Ia membantu JKA dalam menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus.
- ii. Berdasarkan MCCG 2012, *principle* 6.2 menyarankan Lembaga Pengarah perlu menubuhkan fungsi Audit Dalaman yang melapor terus kepada Jawatankuasa Audit. Audit Dalaman hendaklah melaksanakan pengauditan bagi meningkatkan keberkesanan tadbir urus, pengurusan risiko dan kawalan dalaman syarikat dan seterusnya memastikan tindakan susulan diambil oleh pengurusan terhadap perkara yang dibangkitkan. MCCG 2017, *guidance* 10.1 pula menyatakan Ketua Audit Dalaman hendaklah dilantik oleh JKA dan terma rujukan Audit Dalaman hendaklah jelas dan diluluskan oleh JKA. Semakan Audit mendapati YPNHSB tidak menubuhkan Audit Dalaman kerana fungsi Audit Dalaman dijalankan oleh YP.

Pada pendapat Audit, YPNHSB sewajarnya mempunyai Unit Audit Dalam sendiri dan melaksanakan pengauditan sesuai dengan syarikat sebagai entiti berasingan.

h. Pengurusan Kewangan

i. Kelewatan Bayaran Sewa Pajakan

- Mengikut perenggan 4.1, dokumen perjanjian antara AML Enterprise Sdn. Bhd. (AMLESB) dan Jendela Padu Sdn. Bhd. (JPSB) bertarikh 22 Ogos 2011 menyatakan AMLESB bersetuju untuk memajakkan tanah seluas 5,430 hektar yang ditanam pokok kelapa sawit di Ladang Sungai Pandan (LSP), Bintulu, Sarawak kepada penyewa iaitu JPSB dan JPSB hendaklah membayar sewa pajakan kepada AMLESB dengan mengkreditkan ke dalam Akaun Hasil Projek YP Nominees Holdings Sdn. Bhd. (YPNHSB). Bayaran sewa pajakan tersebut dikontrakan dengan bayaran pinjaman sejumlah RM74 juta yang dibuat oleh YPNHSB daripada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) pada tahun 2010. Satu jumlah tetap bayaran bulanan hendaklah dibayar pada setiap bulan sebelum hari ke sepuluh. Semakan Audit terhadap penyata terimaan dan bayaran pajakan yang disediakan oleh YPNHSB bagi tempoh 2011 sehingga 2015 mendapati bayaran adalah teratur pada bulan Ogos 2011 hingga Disember 2013. Bagaimanapun, bagi tahun 2014 dan 2015 didapati berlaku kelewatan bayaran sewa pajakan oleh LSP kepada

YPNHSB antara dua hingga 240 hari. Kelewatan tertinggi sebanyak 11 kali berlaku dalam tempoh satu hingga 30 hari. Maklumat lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 1.8
KELEWATAN BAYARAN SEWA PAJAKAN
LADANG SUNGAI PANDAN BAGI TAHUN 2014 DAN 2015

TEMPOH KELEWATAN (HARI)	KEKERAPAN (KALI)	
	2014	2015
1 - 30	10	1
31 - 60	2	2
61 - 90	-	1
91 - 120	-	2
121 - 150	-	1
151 - 180	-	2
181 - 210	-	1
211 - 240	-	2
JUMLAH KEKERAPAN	12	12

Sumber: YPNHSB

- Kelewatan ini berlaku kerana JPSB gagal mematuhi syarat perjanjian menyebabkan tunggakan sewa dan bayaran balik pinjaman kepada Bank Rakyat terjejas. Semakan selanjutnya mendapati pihak pengurusan YPNHSB ada mengeluarkan sebanyak 23 kali surat peringatan kepada JPSB setiap bulan mulai bulan April 2015 hingga Februari 2017 berkaitan kelewatan bayaran dan tunggakan sewa tersebut. Pihak YPNHSB juga menggunakan perkhidmatan firma guaman untuk mengeluarkan notis tuntutan pada 19 Julai 2016 bagi mendapatkan bayaran tunggakan sewa pajakan berkenaan daripada JPSB. Selain itu, didapati tiada surat pemakluman yang dikeluarkan oleh pihak JPSB kepada YPNHSB bagi memperjelaskan sebab kelewatan pembayaran.
- Semakan Audit selanjutnya mendapati pada tahun 2016, satu perjanjian baru telah ditandatangani antara JPSB, AMLESB dan YPNHSB yang berkuatkuasa pada 20 Januari 2016. Perenggan 4.1 menetapkan JPSB hendaklah membayar sewa pajakan kepada YPNHSB sebelum 7 haribulan setiap bulan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati masih berlaku kelewatan bayaran sewa pajakan yang dibuat oleh JPSB kepada YPNHSB antara 14 hingga 81 hari seperti jadual berikut:

Maklum Balas YPNHSB yang Diterima pada 7 Ogos 2017

Pihak YPNHSB menjelaskan deposit keselamatan berjumlah RM3.33 juta adalah syarat perjanjian antara tiga pihak iaitu AMLESB, YPNHSB dan JPSB yang ditandatangani pada 27 Januari 2016. Pihak JPSB telah membayar sejumlah RM1 juta iaitu sebahagian daripada deposit keselamatan mengikut syarat perjanjian. Manakala baki berjumlah RM2.33 juta akan dibayar JPSB kepada YPNHSB setelah JPSB memperolehi pinjaman perniagaan daripada bank/institusi kewangan atau membayar secara ansuran selepas Januari 2019 kepada YPNHSB sekiranya JPSB tidak berjaya memperolehi pinjaman.

Pihak Audit berpendapat YPNHSB bertanggungjawab memastikan JPSB mematuhi syarat perjanjian dengan menjelaskan sepenuhnya baki deposit keselamatan berjumlah RM2.33 juta selepas memperolehi pinjaman perniagaan daripada institusi kewangan.

iii. Pengurusan Pinjaman dan Pendahuluan

- Pada tahun 2003, 2010 dan 2015, YP Nominees Holdings Sdn. Bhd. (YPNHSB) membuat pinjaman berjumlah RM79.57 juta daripada bank tempatan untuk membeli aset iaitu sebuah bangunan pejabat di Ipoh, Perak dan untuk membangunkan Ladang Sungai Pandan (LSP) serta Ladang Besout Jaya (LBJ). Pada tahun 2010, YPNHSB memperolehi pendahuluan berjumlah RM25.27 juta daripada Yayasan Perak (YP) untuk membangunkan ladang. Butiran pinjaman dan pendahuluan yang dibuat oleh YPNHSB adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 1.10
MAKLUMAT PINJAMAN DAN PENDAHULUAN YPNHSB**

BIL.	SUMBER	TARIKH TERIMA PINJAMAN/ PENDAHULUAN	JUMLAH (RM)	KADAR FAEDAH SETAHUN (%)	BAYARAN SEBULAN (RM)	TEMPOH BAYARAN (BULAN)	BAKI SETAKAT BULAN MEI 2017 (RM)
PINJAMAN							
1.	Maybank Berhad	30.08.2003	666,753	9.5	5,835	300	420,607
2.	Bank Rakyat	11.10.2010	74,000,000	8.1	1,053,019	120	44,522,982
3.	Agrobank	16.01.2017	4,900,000	6.8	28,268	120	4,900,000
JUMLAH			79,566,753		1,087,122		49,843,589
PENDAHULUAN							
1.	Yayasan Perak	01.10.2011	25,271,314	-	23,167	-	25,271,314
JUMLAH			25,271,314	-	23,167	-	25,271,314

Sumber: YPNHSB

- Kedudukan baki pinjaman YPNHSB sehingga bulan Mei 2017 adalah berjumlah RM49.84 juta iaitu sejumlah RM29.72 juta bayaran ansuran telah dibayar balik secara tetap mengikut jadual kepada dua bank iaitu Maybank Berhad dan Bank Rakyat manakala bayaran balik kepada Agrobank akan bermula pada bulan Julai 2018. Pendahuluan Kerajaan Negeri yang diterima oleh YPNHSB daripada YP sejumlah RM25.27 juta masih belum dibayar balik sehingga bulan Mei tahun 2017. Semakan Audit selanjutnya mendapati perjanjian bertulis antara YP dan YPNHSB tidak disediakan untuk menjaga kepentingan Kerajaan Negeri bagi pendahuluan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada YPNHSB.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan YPNHSB adalah tidak memuaskan kerana terma rujukan/TOR tidak disediakan secara bertulis bagi tugas serta tanggungjawab pengerusi dan setiap ahli Lembaga Pengarah. Jawatankuasa Audit tidak ditubuhkan di peringkat YPNHSB, pengauditan dalaman tidak dilaksanakan dan manual prosedur kewangan/aset tidak disediakan.

1.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif penubuhan YPNHSB dicapai dan memantapkan tadbir urus organisasi, adalah disyorkan pihak YPNHSB memberi pertimbangan dan mengambil tindakan berikut:

1.6.1. mengambil tindakan menjelaskan pendahuluan yang diambil daripada YP dalam tempoh masa yang munasabah; dan

1.6.2. menyediakan TOR untuk Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah, menubuhkan Jawatankuasa Audit dan memastikan pengauditan dalaman secara menyeluruh terhadap pengurusan kewangan dan aktiviti dilaksanakan di syarikat serta menyediakan manual prosedur kewangan/aset untuk diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

PENUTUP



PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pengurusan aktiviti Syarikat Subsidiari Yayasan Perak seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur Kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan aktiviti. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan aktiviti telah menjejaskan pencapaian matlamat aktiviti pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, syarikat yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam pelaksanaan aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Yayasan Perak juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

17 Oktober 2017



PNMB

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2017
www.printnasiona.com.my
email: cservice@printnasiona.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA

No. 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62518 Putrajaya.

I Tel : +603 8889 9000

I Faks : +603 8888 9721